



UPNM HOLDINGS

UPNM HOLDINGS SDN BHD

No. Sykt: 909779 - W

d/a: Bahagian Kepimpinan, Korporat dan Perhubungan Antarabangsa, UPNM, Kem Sq. Besi 57000 Kuala Lumpur, MALAYSIA Tel: +603 - 9051 3400 e Fax: +603 - 9051 3028

UPNM HOLDINGS SDN. BHD.
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA
KEM SUNGAI BESI, 57000 KUALA LUMPUR

Ruj. Kami : UPNMBC 04.06/6 (398)
Tarikh : 04 Oktober 2019

PENGUMUMAN

SEBUTHARGA NO : UPNMBC 04.06/6 (398) – SEWAAN RUANG PERNIAGAAN *LESTARI CORNER* DI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

Dengan ini kami ingin mempelawa syarikat-syarikat yang mempunyai lesen perniagaan yang berkaitan (ROB/ROC/Lesen Penjaja) untuk menawarkan sebutharga bagi perolehan di atas. Sila bawa bersama dokumen sebutharga, sijil-sijil asal yang berkaitan dan salinan sijil-sijil tersebut.

KENYATAAN TAWARAN

1. Untuk makluman, kadar **sewa bulanan ditetapkan sebanyak RM 2,500.00** sebulan, bayaran utiliti mengikut penggunaan dan perlu bayaran deposit sewaan bagi tiga (3) bulan iaitu sebanyak **RM7,500.00 dan deposit utiliti sebanyak RM750.00** Pihak UPNM Holdings Sdn. Bhd. (UPNM HOLDINGS) akan membuat bayaran balik deposit tersebut setelah tamat tempoh kontrak. Tawaran adalah dipelawa daripada kalangan warganegara Malaysia yang berminat untuk mengendalikan *Lestari Corner* bagi tempoh 2 + 1 tahun dari November 2019 - November 2021.
2. Sebutharga yang lengkap dan dokumen berkaitan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang bertanda **SEBUTHARGA NO : UPNMBC 04.06/6 (398)** dan dimajukan terus ke alamat tidak lewat daripada jam **12.00 tengahari, 18 Oktober 2019**.

UPNM Holdings Sdn. Bhd.
d/a Aras Bawah, Bangunan Kasturi
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Kem Sungai Besi
57000 Kuala Lumpur

TERMA DAN SYARAT SEWAAN RUANG PERNIAGAAN DI DALAM KAMPUS UPNM

1. Pengusaha dibenarkan membawa peralatan dan barang-barang sendiri ke dalam premis perniagaan.
2. Pengusaha perlu menyediakan peralatan seperti pinggan, mangkuk, cawan, dan gelas yang menggunakan sekurang-kurangnya material melamine. Pengusaha tidak dibenarkan menggunakan peralatan dengan material plastik.
3. Pengusaha tidak dibenarkan memasak kecuali memanaskan dan dibenarkan membawa peralatan untuk memanaskan makanan.
4. Pengusaha perlu memajukan jenis makanan/minuman yang akan dijual di premis.

5. Semua harga perkhidmatan/makanan hendaklah dipamerkan di premis.
6. Pengusaha perlu bertanggungjawab terhadap kebersihan premis dan persekitarannya.
7. Pengusaha tidak dibenarkan membuang sisa-sisa makanan di kawasan premis dan semua gris trap yang disediakan perlu dibersihkan setiap minggu.
8. Setiap pekerja yang berada di premis diwajibkan memakai pakaian seragam syarikat, menutup kepala bagi pekerja di bahagian penyediaan makanan/minuman dan berkasut tertutup serta diwajibkan mendapat suntikan bagi tujuan memastikan mereka terlindung dari sebarang penyakit yang boleh memudaratkan pelanggan.
9. Pengusaha perlu bertanggungjawab 100% terhadap sebarang kerosakan peralatan dan barangan yang disediakan oleh pihak UPNM HOLDINGS dalam premis terbabit.
10. Pengusaha perlu bertanggungjawab terhadap aspek keselamatan ruang disewa.
11. Pengusaha perlu bertanggungjawab menjaga harta benda yang terdapat di premis.
12. Sebarang kerosakan terhadap peralatan dan barangan perlu dibuat aduan kepada UPNM HOLDINGS.
13. Pengusaha hendaklah memberi kebenaran kepada pihak UPNM HOLDINGS untuk mengadakan pemeriksaan ke tempat memasak Pengusaha bagi memastikan tahap kebersihan dan kualiti makanan yang dijual pada bila-bila masa.
14. Pihak UPNM HOLDINGS berhak mengenakan caj jika aspek kebersihan tidak dipatuhi oleh Pengusaha.
15. Pihak UPNM HOLDINGS berhak menamatkan kontrak sewaan dengan notis 24 jam jika pihak UPNM HOLDINGS mendapati Pengusaha tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.
16. Pengusaha perlu membuat pembayaran kepada Pegawai Akaun UPNM HOLDINGS mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh UPNM HOLDINGS.
17. Pihak UPNM HOLDINGS akan mengenakan deposit 3 bulan bagi sewaan ruang dan deposit utiliti.
18. Permohonan pas keselamatan Kem Sungai Besi adalah tanggungjawab Pengusaha.

Dokumen tawaran boleh disemak dan dimuat turun melalui laman web UPNM di alamat www.upnm.edu.my atau boleh didapati di UPNM Holdings Sdn. Bhd., Aras Bawah, Bangunan Kasturi, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia mulai **tarikh iklan ini dikeluarkan**. Bayaran akan dikenakan sebanyak **RM 20.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Sahaja)** bagi setiap dokumen semasa penyerahan. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk tunai, Bank Draft/Cek atas nama **UPNM Holdings Sdn. Bhd.** yang tidak dikembalikan. Dokumen Tawaran dan Sebutharga yang lengkap serta dokumen berkaitan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang bertanda **SEBUTHARGA NO: UPNMBC 04.06/6 (398)** dan dimajukan terus kepada UPNM Holdings Sdn. Bhd. di alamat Aras Bawah, Bangunan Kasturi, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur tidak lewat daripada jam **12.00 tengahari, 18 Oktober 2019**.

Keputusan Jawatankuasa sebutharga adalah muktamad dan sebarang bantahan tidak akan dilayan.

Catatan :

Pihak UPNM HOLDINGS boleh mengeluarkan kenyataan tawaran seperti contoh di atas ataupun terus mendapatkan sebutarga daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pembekal.

Bagi sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut, sila hubungi Puan Nurfazlia Binti Ahmad Noor talian 03 – 9051 3400 sambungan 7622182.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,



HARTINI BINTI MOKHTAR

Pemangku Pengurus

UPNM Holdings Sdn Bhd

